

# **SEMINAR BERSAMA UNHAS-UKM**

## **Pemikiran Belia: Satu Kajian Perbandingan\***

**Prof. Madya Dr. Zulkifley Hamid**  
**Prof. Dr. Ramli Md. Salleh**  
**Dr. Rahim Aman**

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

### **Pendahuluan**

Apabila kita berbicara tentang pemikiran. Persoalan-persoalan yang sering muncul ialah, apakah pemikiran seseorang atau sekelompok manusia boleh dikaji dan ditentukan bentuk atau coraknya? Apakah bentuk atau corak pemikiran ini boleh berubah? Jika pemikiran boleh berubah, apakah faktor-faktor yang memangkin perubahan pemikiran? Aspek-aspek inilah yang akan menjadi fokus utama dalam penyelidikan ini.

Zaman akan terus berubah. Sejarah peradaban manusia akan terus bergerak ke depan tanpa henti. Generasi akan bersilih ganti. Perubahan zaman tentu sekali mencipta pelbagai perubahan dalam pelbagai aspek kehidupan seperti sosial, politik, ekonomi, pendidikan, rohani, dan termasuklah pemikiran. Semua perubahan ini pasti mengubah gaya dan corak kehidupan masyarakat.

---

\* Kertas kerja ini dihasilkan berasaskan data daripada kajian yang berkod FSSK/05/2006. Kajian ini dibiayai sepenuhnya oleh *Institut Penyelidikan dan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia*.

Malaysia yang dahulunya dikenali sebagai Semenanjung Tanah Melayu telah menyaksikan pelbagai perubahan pesat dan ketara. Persoalannya, apakah manusia yang mendiami negara yang bertuah ini di zaman penjajahan Inggeris, zaman awal merdeka dan zaman mutakhir kini mempunyai corak pemikiran yang sama. Penyelidikan ini akan memfokus kepada kajian tentang bentuk pemikiran generasi muda atau belia Malaysia pada masa sekarang. Penyelidikan ini juga akan melihat kemungkinan berlakunya perubahan dalam bentuk pemikiran belia, dan akan turut ditinjau apakah faktor-faktor yang merangsang perubahan pemikiran belia Malaysia.

### **Kajian Pemikiran**

Pemikiran boleh diistilahkan atau dilabelkan dengan pelbagai perkataan. Di samping istilah pemikiran, istilah lain yang sering digunakan untuk menggambarkan perkara yang sama termasuklah akal budi, pandang dunia (*welstanchauung*), minda dan ingatan. Semua istilah ini merujuk cara pemprosesan dan pentafsiran pelbagai maklumat. Makna yang dibentuk daripada penganalisan pelbagai maklumat dan fenomena (zahir dan batin) akan mempengaruhi persepsi dan sikap, dan seterusnya akan mempengaruhi pula tingkah laku seseorang. Tentang hal ini, Mangantar (1987:8) mengatakan bahawa, "teori kognitif ialah pengkajian bagaimana caranya persepsi mempengaruhi perilaku dan bagaimana caranya pengalaman mempengaruhi persepsi". Pemikiran manusia boleh diselidiki melalui pelbagai cara atau kaedah.

Pemikiran atau kaedah berfikir boleh dilihat dalam dikotomi kritikal dan tidak kritikal. Pemikiran kritikal ialah proses membuat keputusan secara rasional bagi menentukan sama ada seseorang itu akan atau tidak akan melakukan ataupun mempercayai sesuatu (Norris 1985). Pemikiran yang tidak kritikal pula ialah corak pemikiran yang tidak rasional. Semasa menghuraikan secara lebih lanjut bentuk pemikiran kritikal, Halpern (1996) menyatakan bahawa pemikiran kritikal ialah:<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Dipetik dari laman sesawang <http://www.kcmetro.cc.mo.us/longview/ctac/definitions.htm>.

The use of those cognitive skills or strategies that increase the probability of a desirable outcome. It is used to describe thinking that is purposeful, reasoned and goal directed - the kind of thinking involved in solving problems, formulating inferences, calculating likelihood, and making decisions when the thinker is using skills that are thoughtful and effective for the particular context and type of thinking task.

Edward De Bono telah mengemukakan satu kaedah berfikir yang dianggap bersifat kritis. Dalam konsep berfikir secara kritikal, yang ditekankan adalah berfikir secara menyeluruh dan mendalam. Menyeluruh bermaksud sesuatu topik atau fenomena akan dinilai daripada pelbagai sudut atau aspek. Mendalam pula bermaksud setiap sudut atau aspek yang dianalisis akan dilakukan secara teliti dan selengkap mungkin.

Untuk membolehkan kita melaksanakan pemikiran kritikal, iaitu berfikir secara menyeluruh dan mendalam, De Bono (1992) mencadangkan enam cara untuk berfikir atau menilai sesuatu perkara. Enam cara berfikir ini dilabel sebagai 'Six Thinking Hat'. Dalam kaedah 'Six Thinking Hat', seseorang penganalisis atau pemikir disarankan agar berfikir menggunakan enam skema. Enam skema ini dibezakan menggunakan enam warna topi yang berbeza, iaitu topi putih, merah, kuning, hitam, hijau dan biru.

Seseorang yang berfikir menggunakan skema topi putih akan berusaha mengumpulkan maklumat sebanyak mungkin daripada situasi yang ada. Dalam skema ini, seseorang itu tidak akan membuat apa-apa keputusan awal, sebaliknya dia akan mengumpul maklumat sebanyak mungkin sebelum membuat sebarang keputusan. Berfikir berasaskan skema topi merah ialah bentuk pemikiran yang cuba menyelami aspek emosi bagi sesuatu perkara yang sedang dibincangkan. Skema topi kuning ialah bentuk pemikiran yang memfokus kepada aspek positif sesuatu perkara, manakala skema topi hitam pula ialah bentuk pemikiran yang mengambil kira atau memfokus pada hal yang negatif atau yang buruk sebelum melaksanakan sesuatu tindakan atau membuat sesuatu keputusan. Skema topi hijau pula ialah bentuk pemikiran yang memfokus kepada mendapatkan idea atau pemikiran baru tentang sesuatu hal. Skema topi biru ialah

pemikiran yang menghala kepada pembuatan keputusan atau menentukan arah atau hala tuju sesuatu perbincangan atau permasalahan. Berasaskan pandangan di atas dapatlah kira rumuskan bahawa pemikiran yang kritikal ialah bentuk pemikiran yang jauh lebih berkesan daripada bentuk pemikiran yang tidak kritikal. Kaedah ini menumpukan kepada bentuk pemikiran yang menyeluruh dan mendalam.

Model pemikiran kritikal yang dicadangkan oleh Edward de Bono adalah berteraskan konsep menyeluruh dan sejajar (holistic and parallel). Seseorang pemikir dan pembuat keputusan yang baik merupakan mereka yang mengambil kira pelbagai aspek daripada pelbagai sudut dalam menilai sesuatu fenomena, keadaan, perkara atau agenda. 'Six Thinking Hat' yang dicadangkan oleh De Bono dapat kita rumuskan seperti dalam Jadual 1 di bawah.

Pemikiran juga boleh dinilai atau dianalisis dengan beberapa cara atau kaedah lain. Antaranya, kita boleh melihat cara berfikir atau memproses maklumat secara dikotomi menurut Kaedah Atas ke Bawah dan Kaedah Bawah ke Atas (Foss & Hakes 1978). Menurut Kaedah Atas ke Bawah, semasa seseorang memproses maklumat, pengetahuan yang sedia ada dalam pemikirannya akan menentukan cara sesuatu maklumat atau fenomena ditafsir. Menurut Kaedah Bawah ke Atas pula, pemrosesan maklumat adalah dikawal oleh rangsangan yang diterima oleh seseorang individu, dan pemrosesan maklumat menurut kaedah ini tidak begitu dikawal oleh pengetahuan yang sedia dalam ingatan jangka panjang seseorang individu.

Pemikiran juga boleh dianalisis menggunakan Kaedah Delphi (Delphi Method), Kaedah Pembinaan Senario (Scenario Building Method), Kaedah Garis Masa (Time-lines Method) dan sebagainya.<sup>2</sup> Dalam Kaedah Delphi, pandangan atau pemikiran ahli-ahli sesebuah kumpulan akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk membentuk suatu pandangan

---

<sup>2</sup> Untuk maklumat lanjut mengenai Kaedah Delphi, sila lihat laman sesawang [http://pespmcl.vub.ac.be/ASC/Delphi\\_metho.html](http://pespmcl.vub.ac.be/ASC/Delphi_metho.html). Untuk Kaedah Pembinaan Senario pula, sila lihat <http://www.mgtaylor.com/mgtaylor/jotm/winter 1997/scenbld.htm>, dan untuk Kaedah Garis Masa sila lihat, <http://www.crystalinks.com/timelines.html>.

**Jadual 1: Model Berfikir ‘Six Thinking Hat’ Edward De Bono (1992)**

<b>Warna Topi</b>	<b>Sifat/Ciri Lakuan Berfikir</b>	<b>Kesan Kepada Khalayak</b>	<b>Manfaat</b>
Putih	Mengumpul sebanyak mungkin maklumat sebelum mengambil keputusan atau membuat ketetapan.	Semua pihak diberikan perhatian, dan semua aspek diambil kira.	Keputusan tidak dibuat secara terburu-buru, iaitu ia dibuat berasaskan maklumat yang lengkap.
Merah	Mengambil kira atau menyelami aspek-aspek emosi sebelum mengambil keputusan atau membuat ketetapan.	Aspek emosi khlayak diambil kira dalam pembuatan keputusan.	Aspek emosi atau perasaan khlayak telah diberikan perhatian.
Kuning	Lakuan berfikir yang memfokus kepada aspek-aspek yang positif bagi sesuatu perkara.	Khalayak berkemungkinan besar akan mendapat manfaat atau kesan positif daripada sesuatu keputusan yang dibuat.	Dapat membuat jangkaan tentang kesan positif yang bakal terhasil.
Hitam	Lakuan berfikir yang memfokus kepada aspek-aspek yang negatif tentang sesuatu perkara.	Khalayak berkemungkinan besar akan terhindar daripada kesan negatif daripada sesuatu keputusan yang dibuat.	Dapat membuat jangkaan tentang kesan negatif yang bakal terhasil.
Hijau	Lakuan berfikir yang memfokus kepada idea-idea baru atau mutakhir.	Khalayak akan mendapat manfaat daripada idea, pemikiran, dapatan atau ilmu baru atau terkini.	Mendapat manfaat daripada pelbagai idea, pemikiran, ilmu atau maklumat baru/terkini.
Biru	Lakuan berfikir yang mengarah kepada pembuatan keputusan, menentukan arah atau hala tuju.	Khalayak menerima perintah atau arahan yang sepatutnya.	Khalayak jelas dengan apa yang sepatutnya dilakukan, iaitu mereka terpimpin dalam mengambil sesuatu tindakan.

atau pemikiran sepunya kumpulan tersebut. Pendapat seseorang ahli kumpulan akan cuba diubah dengan mendedahkannya kepada pandangan umum sesuatu kumpulan. Dengan kata lain, kaedah ini adalah berteraskan pandangan bahawa pendapat individu boleh berubah selepas mendengar pendapat orang lain.

Menurut Kaedah Pembinaan Senario pula, seseorang individu dianggap akan berfikir berasaskan keadaan atau suasana semasa. Pemikirannya juga diandaikan terbentuk berasaskan andaiannya tentang kemungkinan-kemungkinan yang bakal berlaku di masa muka. Kaedah ini turut menekankan kepentingan berfikir secara Gestalt, iaitu cuba memahami sesuatu perkara atau fenomena sebagai satu keseluruhan yang utuh. Dalam Kaedah Garis Masa pula, kaedah berfikir atau mentafsir fenomena disarankan dilakukan secara intuisi atau dilakukan menurut kaedah introspeksi.

Kaedah-kaedah berfikir yang dikemukakan di atas boleh digunakan secara berasingan atau secara bergabung. Sebagai contoh, Kaedah Pembinaan Senario seringkali digunakan secara bergabung dengan Kaedah Delphi. Kaedah-kaedah di atas juga boleh digunakan untuk menilai pemikiran seseorang individu, sesebuah kumpulan atau masyarakat

### **Objektif dan Metodologi Penyelidikan**

Penyelidikan ini dilakukan untuk mencapai beberapa objektif. Antara lain, penyelidikan ini berhasrat untuk:

- (i) Melihat bentuk pemikiran belia bandar dan luar bandar.
- (ii) Membandingkan bentuk pemikiran belia Melayu, Cina dan India.
- (iii) Membandingkan bentuk pemikiran beliau berlandaskan status ekonomi keluarga.

Data untuk penyelidikan ini diperolehi melalui pelbagai kaedah pengujian, pengukuran dan penilaian. Antara kaedah yang akan digunakan termasuklah melalui pentadbiran soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Penganalisan data pula akan dilakukan menurut kaedah statistik deskriptif dan inferensi.

Soal selidik akan dibentuk berasaskan Skala Likert, iaitu penilaian yang dibentuk dengan menyediakan lima tindak balas kepada responden terhadap sesuatu kriteria yang dikemukakan dalam borang soal selidik. Soal selidik ini akan diedarkan kepada sampel kajian. Semua soal selidik yang telah dijawab akan dikumpulkan, dimarkahkan seterusnya dijadualkan. Markah yang telah siap dimarkahkan dan dijadualkan akan dianalisis secara inferensi menggunakan SPSSX, termasuklah Ujian t, Korelasi Pearson, Anova dan Ujian Khi Kuasa Dua.

### **Kepentingan Kajian**

Penyelidikan ini mempunyai beberapa kepentingan untuk negara Malaysia. Antara lain, penyelidikan ini dapat:

- a. Melakar pemikiran belia Malaysia secara jelas agar ia dapat membantu kerajaan dalam menentukan dasar dan perubahan yang dapat diterima oleh golongan muda. Ini dapat mengelakkan konflik di antara kehendak golongan muda dan kehendak negara.
- b. Membantu kerajaan menelaah perubahan-perubahan yang bakal berlaku dalam corak pemikiran belia Malaysia (Melayu, Cina dan India) jika dihadapkan dengan fenomena, peristiwa atau keadaan-keadaan yang tertentu.
- c. Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan corak pemikiran belia Malaysia masa kini agar kelemahan dapat diminimakan dan kekuatan dapat ditambah nilai.

## Dapatan Kajian

Untuk melihat bagaimana bentuk pemikiran golongan belia, kajian ini mengambil kira empat item utama, iaitu 'sahsiah', 'pandang dunia', 'keusahawanan' dan 'ketaatsetiaan'. Berkaitan dengan item 'sahsiah', kajian menunjukkan bahawa belia Melayu mencapai skor 82.0%, belia India 76.8% dan belia Cina 76.2% (Jadual 1.1). Pencapaian skor melebihi 70% daripada ketiga-tiga kaum tadi menunjukkan bahawa item sahsiah adalah item yang dimiliki bersama, yakni semua kaum tadi memiliki ciri sahsiah yang tinggi. Faktor emosi yang stabil seperti tahan kepada kritikan, rasional, gigih, kental, terbuka kepada kritikan, inginkan masa depan yang cemerlang, bertanggung jawab dan bersifat terbuka dalam berinteraksi yang wujud dalam pemikiran belia Melayu, Cina dan India menjadikan satu aset yang berguna dalam pembangunan negara. Ciri sahsiah positif sebeginilah yang dikehendaki oleh negara agar agenda pembangunan negara dapat dicapai.

Dalam kajian ini, item 'pandang dunia' sebenarnya terfokus kepada tiga aspek utama, iaitu teknologi informasi, globalisasi dan bahasa. Data kajian menunjukkan bahawa belia Cina memperoleh skor yang paling minima, iaitu 59.4% dan diikuti oleh belia India, iaitu 67.2% (lihat Jadual 2). Skor yang rendah ini bukan bererti kedua-dua golongan belia daripada kaum tersebut tidak berminat kepada teknologi informasi atau pun isu globalisasi, tetapi penerimaan mereka kepada isu bahasa Melayu agak negatif. Belia Cina dan India seolah-olah tidak yakin akan kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu sains dan teknologi, bahasa yang bernilai ekonomi, tetapi bersetuju bahasa Melayu perlu dijadikan bahasa penyatuan seluruh kaum di Malaysia.

Belia Melayu mencapai skor 74.3% (lihat Jadual 2) dalam item 'pandang dunia' dan pencapaian skor yang tinggi ini bukan bermakna belia Melayu cemerlang dalam aspek teknologi informasi dan globalisasi. Kajian menunjukkan bahawa belia Melayu memiliki persepsi yang negatif dalam aspek teknologi informasi. Mereka rata-rata tidak memiliki komputer peribadi, tidak memiliki capaian internet dan tidak mengikuti perkembangan ilmu dalam aspek tersebut. Kekurangan ini bukan bermakna kerajaan



tidak menyediakan segala kemudahan berkaitan teknologi informasi, tetapi kecenderungan belia Melayu terhadap aspek ini terlalu minima. Hal yang sama juga terjadi dalam aspek globalisasi, yakni belia Melayu tidak faham konsep globalisasi tersebut. Apakah ini disebabkan oleh minat membaca di kalangan belia Melayu begitu rendah? Mereka rata-rata memberikan jawapan 'tidak pasti' apabila isu globalisasi ini diajukan kepada mereka.

Belia Cina mencapai skor yang pertama dalam item 'keusahawanan', iaitu 69.2% dan tempat kedua didominasi oleh belia Melayu, iaitu 66.0% dan ketiga oleh belia India, iaitu 58.0% (lihat Jadual 2). Skor yang tinggi oleh belia Cina tidak memeranjatkan kerana mereka sememangnya sudah cemerlang dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Penglibatan mereka dalam bidang ini sudah berakar umbi dan ada kalanya bidang perniagaan ini diwarisi dari satu generasi ke satu generasi. Hal ini bererti bahawa bidang perniagaan dan keusahawanan sudah menjadi darah daging bagi mereka. Apabila persoalan yang berkaitan dengan dana IKS (Industri Kecil Sederhana), prosedur dan kaedah peminjamannya ditanyakan kepada mereka, selalunya mereka berkemampuan untuk menguruskannya. Hal ini berbeza dengan belia Melayu dan India, yakni mereka tidak mengetahui selok belok IKS dan prosedurnya.

Selain itu, terdapat juga belia Melayu dan India yang takut menghadapi risiko untuk menjalankan IKS. Satu lagi aspek yang menyebabkan peratusan skor belia Melayu dan India rendah dalam item 'keusahawanan' ialah mereka kebanyakannya terlalu berharap bantuan daripada kerajaan. Justeru, apabila ditanyakan persoalan adakah orang Melayu/India boleh berjaya dalam bidang perniagaan tanpa bantuan kerajaan, maka jawapan yang diperoleh adalah 'tidak bersetuju'. Hal ini bererti bahawa pada pemikiran mereka untuk maju dalam bidang ini, kerajaan mesti membantu mereka, khasnya dalam aspek kewangan.

Proses pembinaan negara bangsa dan ketaatsetiaan, pada pandangan penyelidik mesti ditingkatkan lagi. Hal ini kerana kajian mendapati, skor ketaatsetiaan belia Cina hanya 67.0% berbanding belia India 80.6% dan belia Melayu 85.0% (lihat Jadual 2).

Persoalan yang diutarakan dalam aspek 'ketaatsetiaan' ialah DEB (Dasar Ekonomi Baru), rukun negara, pengamalan dalam satu sistem pendidikan, bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dan beberapa aspek yang lain. Mungkinkah apabila persoalan yang ditanyakan berkaitan isu bahasa Melayu dan amalan dalam satu sistem pendidikan, maka sentimen perkauman menjelma kembali? Hal inilah yang menjadi persoalan penting dan tentunya generasi baru belia Malaysia harus berfikir bagaimana untuk mengatasinya.

**Jadual 2: Pencapaian Skor Item Sahsiah, Pandang Dunia, Keusahawanan dan Ketaatsetiaan Belia Melayu, Cina dan India.**

	<b>Sahsiah</b>	<b>Pandang Dunia</b>	<b>Keusahawanan</b>	<b>Ketaatsetiaan</b>
MELAYU	82.0%	74.3%	66.0%	85.0%
CINA	76.2%	59.4%	69.2%	67.0%
INDIA	76.8%	67.2%	58.0%	80.6%
LAIN-LAIN	81.3%	77.0%	84.7%	86.7%
PERATUS KESELURUHAN	79.1%	69.5%	69.5%	79.8%

### **Rumusan**

Hasil kajian ini akan dapat memberikan sumbangan yang besar kepada pembinaan negara bangsa. Pemikiran dan tingkah laku ialah dua entiti yang tidak dapat dipisahkan. Ini disebabkan lakuan manusia normal adalah dikawal oleh pemikirannya. Keputusan untuk melakukan sesuatu lakuan atau tindakan terhasil selepas pemikiran telah memutuskannya.

Golongan belia merupakan asset terpenting negara. Usaha untuk memahami cara mereka berfikir ialah usaha yang amat penting. Kita harus meramal corak pemikiran golongan belia. Ini akan dapat menghindarkan pelbagai masalah dan konflik yang tidak diingini.

## Rujukan

- Allison, D. (tanpa tarikh). Timelines. (atas talian). <http://www.crystalinks.com/timelines.html>. (3 November 2004).
- De Bono, E. 1992. *Six thinking hats: short course*. Iowa: Advanced Practical Thinking Training, Inc.
- Foss, D. & Hakes, D. 1978. *Psycholinguistics: an introduction to the psychology of language*. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Fowler, B. (tanpa tarikh). Critical thinking definitions. (atas talian). <http://www.kcmetro.cc.mo.us/longview/ctac/definitions.htm>.
- Mangantar Simanjuntak. 1987. *Pengantar psikolinguistik moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- MG Taylor Corporation. (tanpa tarikh). Scenario Building. (atas talian). <http://www.m~taylor/jotm/winter97/scenbldg.htm>. (14 Jun 2005).
- Norris, S. 1985. "Synthesis of research on critical thinking". *Educational Leadership*, Vol. 42: 40-45.
- Principia Cybernetica Web. (tanpa tarikh). Delphi Method. (atas talian). [http://perpmcl.vub.ac.be/ASC/De.lphi metlo.html](http://perpmcl.vub.ac.be/ASC/De.lphi%20metlo.html). (14 Jun 2005).